

SULIT



**SKEMA JAWAPAN PRAKTIS BESTARI  
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2014**



**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**1103/1**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**SET 1**

---

---

**SKEMA JAWAPAN  
UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

# SULIT

## **Bahagian A [30 markah]**

### **Tugasan : CIRI-CIRI KANTIN SEKOLAH YANG BAIK**

#### **1. Persekitaran yang bersih**

- lantai yang bersih
- longkang bersih, saluran air lancar
- susunan kerusi meja yang menarik
- dialas kemas dan bersih
- keadaan dapur yang bersih

#### **2. Pekerja kantin mematuhi etika berpakaian**

- memakai pakaian memasak yang sesuai, bersih dan kemas
- memakai tutup kepala, apron dan berkasut

#### **3. Juadah yang berkhasiat**

- sajian makanan yang berzat
- mengutamakan menu makanan tempatan
- elakkan menjual makanan segera seperti burger, sosej, mi maggi

#### **Ungkapan Menarik:**

- kebersihan sebahagian daripada iman
- menjaga kebersihan tanggungjawab bersama
- persekitaran bersih selera terbuka
- makanan seimbang menjamin kesihatan
- kebersihan asas kesihatan

# SULIT

## Bahagian B [100 markah]

### Soalan 1

Tugasan : Pendapat tentang kecemerlangan pelajar berpunca daripada sikap diri sendiri

Cadangan isi:

- i. Mengurus masa dengan cekap
  - menyediakan jadual waktu untuk belajar dengan aktiviti berfaedah
  - mematuhi jadual waktu yang dirancang
  - tidak bertanggung kerja/ tugas
  - elakkan berbual-bual kosong
- ii. Bersahabat dengan orang yang telah berjaya
  - pelajar yang berjaya menjadi idola
  - menggunakan pengalaman orang lain yang telah berjaya
- iii. Memberikan tumpuan kepada bidang atau subjek yang dipelajari
  - fokus semasa berada di dalam kelas
  - mendampingi guru
  - tidak malu bertanya kepada guru
  - mewujudkan kumpulan belajar sendiri
- iv. Menjaga kesihatan fizikal dan mental
  - menjauhi amalan menghisap rokok dan minuman keras
  - amalan pemakanan sihat dan beriadah
  - pandai mengatasi mengawal emosi / stres
  - mendekatkan diri kepada Tuhan / beribadat
- v. Mempunyai keyakinan diri yang tinggi
  - mempunyai jati diri yang kuat
  - tidak mudah dipengaruhi
  - mempunyai matlamat hidup yang jelas
  -

**Cadangan isi yang lain:**

- vi. Bersikap terbuka dan bersedia menerima pandangan orang lain
- vii. Menghormati ibu bapa, guru dan orang yang lebih tua

## SULIT

- viii. Taat beragama
- ix. Mempunyai wawasan hidup yang jelas

### Contoh ungkapan menarik:

- Masa itu emas
- masa ibarat mata pedang
- tuntutlah ilmu hingga sampai ke liang lahad
- jika berkawan dengan penjual minyak wangi kita akan berbau harum
- badan sihat otak cerdas,

### Soalan 2

Tugasan : Usaha yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk mengawal kegiatan vandalisme dan gengsterisme dalam kalangan remaja

Cadangan isi :

- i. Ibu bapa perlu memantau tingkah laku dan pergaulan anak-anak remaja
  - menjadi rakan anak-anak
  - memastikan pergerakan mereka
  - menetapkan waktu keberadaan di rumah
  - mengesan perubahan sikap anak-anak
  
- ii. Ibu bapa menjadi suri teladan kepada anak-anak
  - menunjukkan perbuatan dan nilai-nilai terpuji
  - ibu bapa menunjukkan teladan yang baik seperti membaca buku
  - mempraktikkan nilai murni seperti menghargai harta benda awam
  - menjelaskan kepentingan dan kegunaan harta benda awam khususnya semasa kecemasan.
  - ibu bapa menasihati anak-anak secara berterusan supaya tidak terjebak dengan gejala vandalisme dan gengsterisme
  
- iii. Ibu bapa memurnikan jiwa anak-anak dengan ajaran agama
  - penghayatan ajaran agama yang lengkap
  - menjelaskan perihal pahala dan dosa sesuatu perbuatan
  
- iv. Ibu bapa bekerjasama dengan pihak sekolah sebagai sarana dalam memastikan anak-anak menjadi insan mulia
  - bertanya khabar anak-anak di sekolah

## **SULIT**

- menghubungi atau bersemuka dengan pihak sekolah
  - menghadiri aktiviti PIBG dan menyokong aktiviti sekolah
- v. Ibu bapa melaporkan kepada pihak berkuasa berkait salah laku jenayah dalam kalangan anak-anak.
- bekerjasama dengan pihak sekolah
  - tidak menyembunyikan tingkah laku negatif anak-anak
  - tidak melindungi anak-anak yang melakukan kesalahan

### **Contoh ungkapan menarik:**

- Kepimpinan Melalui Teladan
- anak-anak cerminan ibu bapa
- seperti ketam mengajar anaknya berjalan lurus
- melentur buluh biarlah dari rebungunya
- sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna.

### **Soalan 3**

Tugasan : Peranan kerajaan dalam melahirkan golongan ilmuwan

Cadangan isi :

- i. Mewujudkan sekolah-sekolah pilihan
  - MRSM, SBP, Sekolah Berprestasi Tinggi, Sekolah Sukan dan Sekolah Kluster Kecemerlangan diperbanyak untuk memberi peluang kepada pelajar mendapat pendidikan terbaik
- ii. Program Permata Negara
  - Permata Pintar, Permata Kurnia dan Permata Insan merupakan program bina insan
  - kurikulum khusus digubal bagi mencungkil kebolehan anak-anak dalam pelbagai bidang
  - penaung program ini ialah Datin Seri Rosmah Mansor
- iii. Memperkasa Pendidikan Prasekolah
  - guru Prasekolah berijazah diwujudkan bagi memperkasa pendidikan prasekolah
  - kurikulum baru digubal dan prasekolah diwujudkan di sekolah kebangsaan dan premis-premis kerajaan
- iv. Mengadakan Tranformasi Dasar Pendidikan Negara

## **SULIT**

- Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)
  - kurikulum menyeluruh meliputi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial [JERIS] digubal
  - kerajaan menyediakan peluang biasiswa bagi melanjutkan pelajaran ke luar Negara
- v. Mengadakan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan di IPT
- kerajaan memberi dana untuk menjalankan penyelidikan
  - inovasi tercipta hasil kerja penyelidikan yang dijalankan
- vi. Membina lebih banyak pusat pengajian
- Kolej vokasional, Institut Latihan Perindustrian dan Kolej Komuniti
  - IPTA dan IPTS diperbanyak oleh pihak kerajaan
  - kurikulum merangkumi pelbagai bidang kerjaya terkini

### **Cadangan isi lain:**

- vii. Komputer riba diberikan percuma
- viii. Galakan supaya pelajar menguasai bahasa ketiga- memperkenalkan subjek bahasa antarabangsa di sekolah terpilih [bahasa Jerman, Mandarin, Perancis]

### **Contoh ungkapan menarik:**

- hendak seribu daya tak hendak seribu dalih
- tepuk dada tanya selera
- duduk sama rendah berdiri sama tinggi
- Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan
- seikat bagai sirih serumpun bagai serai
- seiring sejalan sederap bergerak

# SULIT

## Soalan 4

Tugasan : Tujuan mengawal sempadan negara

Cadangan isi :

- i. Mencegah penyeludupan
  - dapat mengelakkan penyeludupan barangan kawalan seperti beras, gula dan minyak.
  - penyeludupan dadah dapat dielakkan.
  - penyeludupan manusia juga dapat dikawal
- ii. Menjamin keselamatan negara
  - kawalan keluar masuk secara sistematik
  - memelihara keselamatan masyarakat setempat
  - keselamatan rakyat dapat dipelihara daripada senjata dan pendatang asing
  - mengekang unsur subversif
- iii. Menjaga kedaulatan negara
  - mengelakkan penjajahan dan pencerobohan (Lahad Datu)
  - pencerobohan sempadan oleh negara jiran dapat dielakkan
- iv. Mempertahan hak negara
  - kes Pulau Batu Putih
  - menjalin hubungan diplomatik
- v. Aspek kesihatan rakyat
  - kemasukan pendatang asing tanpa izin mengundang pelbagai penyakit seperti kusta.
  - mereka turut membina rumah setinggan yang kotor dan mencemarkan

### Contoh ungkapan menarik:

- biar putih tulang jangan putih mata
- tidak membenarkan seincipun tanah airku diinjak-injak
- Malaysiaku Berdaulat
- kedaulatan negara terpikul di bahu anak watan,

## SULIT

### Soalan 5

Tugasan : Cara-cara remaja mempersiapkan diri menjadi remaja berkualiti

Cadangan isi :

- i. Membaca bahan ilmiah untuk menambah ilmu pengetahuan
  - membaca buku rujukan
  - majalah yang membina minda seperti Solusi, Dewan Masyarakat dan Dewan Siswa
  - membaca buku-buku motivasi
  
- ii. Belajar bersungguh-sungguh
  - fokus semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah
  - mendampingi guru
  - tidak malu bertanya
  - belajar secara berkumpulan
  - melayari Internet – pengetahuan luas
  
- iii. Menghayati ajaran agama
  - patuh kepada suruhan Allah/Tuhan
  - sentiasa berbuat baik/ amal nilai murni
  - mengingati dosa dan pahala
  
- iv. Menghayati semangat patriotik
  - menghargai tanah air
  - bangga menjadi warga negara Malaysia
  - tidak menimbulkan suasana huru-hara dalam negara
  - menghargai kedaulatan negara
  
- v. Menambah kemahiran berfaedah
  - melakukan aktiviti bercucuk tanam, menghadiri kelas jahitan dan kelas masakan.
  - mengikuti kursus kemahiran
  - menghadiri kelas kraf tangan
  - aktiviti melukis
  - aktiviti mengambil gambar
  - menguasai kemahiran ICT
  - menguasai pelbagai bahasa



## **SULIT**

- vi. Taat kepada ibu bapa
- menjadi anak kebanggaan keluarga.
  - menjaga maruah atau air muka keluarga
  - mengharumkan nama keluarga

### **Contoh ungkapan menarik:**

- masa itu emas
- semakin hari semakin sayang
- kerja bertanggung tidak menjadi, kerja beransur tidak bertahan
- hangat-hangat tahi ayam
- alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan

## **SKEMA JAWAPAN TAMAT**